

D385

U B558 AAB

MAHATHIR - PELANCONGAN R R R

(EMBARGO: UNTUK SIARAN SELEPAS PUKUL 10.30 MALAM INI)

=====

KUALA LUMPUR, 25 SEPT (BERNAMA) -- SEGALA USAHA PERLU DIJALANKAN SUPAYA MALAYSIA TERUS KEKAL SEBAGAI DESTINASI PELANCONGAN DALAM JANGKA PANJANG, KATA PERDANA MENTERI, DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD, MALAM INI.

TANGGUNGJAWAB ITU BUKAN SAHAJA TERLETAK DI BAHU KERAJAAN SEMATA-MATA TETAPI SEKTOR SWASTA JUGA HARUS MEMAINKAN PERANAN MEREKA KERANA SEKTOR ITULAH YANG AKAN MEMPEROLEHI HASIL SECARA LANGSUNG DAN TIDAK LANGSUNG KELAK, KATANYA.

BERUCAP MELANCARKAN MALAYSIA FEST 87 DI SINI, PERDANA MENTERI MENEGASKAN SEKTOR SWASTA PERLU MENYEDIAKAN KEMUDAHAN PENGANGKUTAN, PENGINAPAN, MAKANAN, TEMPAT MEMBELI-BELAH, TEMPAT PERSIARAN DAN KEGIATAN SUKAN SECARA BERTERUSAN DAN BERPATUTAN.

KATANYA, KEMENTERIAN KEBUDAYAAN DAN PELANCONGAN YANG BERTANGGUNGJAWAB SECARA LANGSUNG MENYUSUN PEMBANGUNAN JANGKA PANJANG INDUSTRI ITU JUGA MEMERLUKAN SOKONGAN DARIPADA AGENSI-AGENSI LAIN DAN KERAJAAN NEGERI.

+LAYANAN TERHADAP PARA PELANCONG TIDAK HARUS TERHAD KEPADA MEREKA YANG BEKERJA DALAM INDUSTRI ITU TETAPI JUGA OLEH SEMUA RAKYAT KERANA PENDAPATAN YANG DIPEROLEHI DARIPADA INDUSTRI ITU AKHIRNYA AKAN DIKECAPI OLEH RAKYAT,+ TAMBAHNYA. -- LAGI.

1909MST 25 09 87

U B559 AAB

MAHATHIR - PELANCONGAN 2 KUALA LUMPUR (EMBARGO)

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA, INDUSTRI PELANCONGAN MANGHASILKAN KIRA-KIRA \$1,600 JUTA PADA TAHUN LEPAS DAN IA MERUPAKAN PENYUMBANG KEEMPAT TERBESAR KEPADA PERTUKARAN WANG HASIL NEGARA.

BAGAIMANAPUN, BELIAU MENEGASKAN BAHAWA INDUSTRI ITU MASIH BOLEH MENINGKATKAN SUMBANGAN TERSEBUT.

DI SAMPING ITU, KERAJAAN JUGA TELAH MEMPERUNTUKKAN \$100 JUTA UNTUK MEMBIAYAI AKTIVITI BAGI MEMAJUKAN INDUSTRI ITU KHUSUSNYA DALAM BIDANG GALAKAN.

KATANYA, ASPEK PEMASARAN BUKANLAH SESUATU YANG RUMIT KERANA NEGARA TELAH MEMPUNYAI JENTERA, KEMAHIRAN DAN BEBERAPA STRATEGI UNTUK PEMASARAN.

+APA YANG PERLU IALAH PENILAIAN SEMULA KE ATAS JENTERA, KEMAHIRAN DAN STRATEGI YANG DIPEROLEHI SERTA PENILAIAN SEMULA PASARAN DAN TEKNIK PENGGALAKAN,+ TAMBAHNYA.

DALAM PERKARA INI, PATA 86 BERJAYA MEMBAWA HASIL POSITIF YANG MEMBOLEHKAN SEKTOR PERHOTELAN MEREKODKAN PENINGKATAN DALAM KADAR PENGINAPAN WALAUPUN BILANGAN BILIK HOTEL SEMAKIN BERTAMBAH. -- LAGI.

1911MST 25 09 87

U B560 DEB
MAHATHIR - PELANCONGAN 3 KUALA LUMPUR (EMBARGO)

BELIAU BERKATA, DI SAMPING BERUSAHA MENINGKATKAN TUKARAN WANG ASING NEGARA DENGAN MENGGALAKKAN LEBIH BANYAK PELANCONG MELAWAT NEGARA INI, USAHA MENGURANGKAN PENGALIRAN KELUAR TUKARAN ASING AKIBAT RAKYAT MELANCONG KE LUAR NEGERI JUGA HARUS DILAKSANAKAN.

KERAJAAN TIDAK BERHASRAT MENYEKAT RAKYAT MELANCONG KE LUAR NEGERI SEBALIKNYA INDUSTRI PELANCONGAN HARUS BERUSAHA SUPAYA RAKYAT GEMAR MELAWAT DAN BERISTIREHAT DALAM NEGERI.

KEMUDAHAN DAN LAYANAN KEPADA PARA PELANCONG TEMPATAN HENDAKLAH SESUAI DENGAN KEPERLUAN DAN SELERA RAKYAT DAN PERLU DIBERI LAYANAN SAMA SEPERTI YANG DIBERIKAN KEPADA PELANCONG ASING, TAMBAH PERDANA MENTERI.

KATANYA, INDUSTRI PERHOTELAN HARUS MEMBERI PERHATIAN SERIUS KEPADA GOLONGAN BERPENDAPATAN RENDAH DAN SEDERHANA KERANA MINAT UNTUK MELANCONG BUKAN SAHAJA TERHAD KEPADA GOLONGAN KAYA SAHAJA.

MENURUTNYA LAGI, KOS PENGURUSAN DAN PENGENDALIAN YANG RENDAH UNTUK HOTEL YANG MENAMPUNG KEPERLUAN PELANCONG BERPENDAPATAN RENDAH DAN SEDERHANA AKAN MENJAMIN PULANGAN YANG SAMA DENGAN PELABURAN DALAM HOTEL BERTARAF ANTARABANGSA. -- LAGI.

1913MST 25 09 87

0391

U B563 AAB
MAHATHIR - PELANCONGAN 4 KUALA LUMPUR (EMBARGO)

SEHUBUNGAN DENGAN ITU, KERAJAAN TELAH MENETAPKAN BAHAWA GALAKAN BARU BAGI INDUSTRI PELANCONGAN ADALAH TERMASUK DUA JENIS TEMPAT PENGINAPAN BERTARAF SEDERHANA, IAITU RUMAH TUMPANGAN DAN RUMAH REHAT.

KATANYA, TEMPAT-TEMPAT PENGINAPAN ITU HENDAKLAH MENYEDIAKAN KEMUDAHAN ASAS YANG PERLU TANPA MENGABAIKAN KEBERSIHAN DAN LAYANAN.

KERAJAAN BERHARAP BANK-BANK AKAN MEMBERI KEUTAMAAN KEPADA PINJAMAN BAGI PEMBINAAN HOTEL-HOTEL YANG MENYEDIAKAN BILIK DENGAN KADAR SEWA YANG RENDAH DAN SEDERHANA SERTA KEMUDAHAN-KEMUDAHAN ASAS YANG LAIN, KATA PERDANA MENTERI LAGI. -- BERNAMA.

1922MST 25 09 87

0392